

21/03/1999

Susun semula kawasan ternak babi

Ebi Azly Abdullah

BUKIT BERUNTUNG: Kawasan penternakan babi perlu disusun semula untuk memastikan tahap kebersihan tertinggi, bagi mengelakkan berlakunya masalah kesihatan seperti virus Japanese Encephalitis (JE), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, tahap kebersihan di kawasan penternakan berkenaan perlulah sentiasa dikawal untuk memastikan tiada nyamuk pembawa wabak boleh membiak.

"Saya ingat semua pihak kini bersetuju dengan penyusunan (ladang babi), dengan memastikan kebersihan, iaitu dengan menjaga kawasan sekeliling supaya tidak ada nyamuk.

"Jika kita buat semua itu dan semua orang bersetuju dengan membayar sedikit untuk semua ini, kita tidak akan menghadapi masalah," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan kunci rumah kos rendah kepada penghuni Taman Bunga Raya di sini, petang semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan kerajaan melaksanakan tindakan drastik bagi menangani masalah JE yang berpunca daripada bawaan nyamuk Culex di sekitar ladang babi.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sudah melaksanakan segala-gala yang mungkin untuk menangani masalah berkenaan, termasuk membunuh babi terbabit, memusnahkan nyamuk, memindahkan penduduk serta kempen vaksinasi.

"Kerajaan membelanjakan RM49 juta (bagi melaksanakan pelbagai strategi) setakat ini, dan kita akan belanja lagi (jika perlu)," katanya. Mengenai pampasan, menurut beliau, ia akan diberi kepada penternak yang terjejas menerusi loteri.

"Loteri ini biasanya kita akan mengadakan kutipan (cabutan) khas untuk mengumpulkan wang bagi membayar pampasan (kepada penternak)," katanya. Sebanyak 311,000 babi terpaksa dimusnahkan mula semalam oleh anggota tentera dan polis.

Beliau berkata, pelancong asing tidak perlu bimbang dengan wabak berkenaan kerana ia masih terhad di kawasan penternakan babi saja.

"Sekarang ini kita masih kekalkan di kawasan itu saja dan pelancong tak perlu pergi ke situ. Kita akan jaga supaya ia tidak merebak ke tempat lain.

"Tetapi kita memerlukan kerjasama pihak tertentu, iaitu apabila kita terpaksa membunuh binatang ini, mereka mesti bersetuju. Jangan pula mereka tidak bersetuju, kalau tak setuju ia akan merebak," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan merombak semula struktur Kementerian Kesihatan berikutan pengalaman krisis JE, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu dilakukan kerana masalah kekurangan doktor.

"Apakah itu bermakna mengasingkan kakitangan untuk menghadapi krisis yang mungkin tidak ada. Masalah kita ialah kekurangan doktor. Kita lihat tak ramai berminat untuk jadi doktor kerana nak latih ambil masa lama," katanya.

Mengenai penentangan terhadap pembinaan Empangan Sungai Selangor, Perdana Menteri berkata ia didalangi oleh pihak tertentu mengambil kesempatan daripada nasib Orang Asli di kawasan terbabit.

"Sebenarnya mereka ini tak minat nak jaga nasib Orang Asli, cuma mengambil alasan dan kesempatan daripada kedudukan orang ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembinaan empangan itu penting bagi penduduk Lembah Klang kerana masalah bekalan air yang semeruncing ketika ini.

"Kita juga perlu pada air (kerana) kalau kita tak nak, kita kata tak nak

air. Masalahnya sementara kita nak jalan raya, kita tak nak bayar tol, kita nak air tak nak empangan.

"Yang mana satu kita nak, air atau konomnya jaga nasib Orang Asli," katanya.

(END)